

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 44

RUANGAN : SETEMPAT



KAIN rentang di laluan masuk ke Kampung Kuala, Simunjan.

## VIRUS RABIES

# 'Wabak' dari hutan

### ■ Penduduk terkejut anak jiran kritikal digigit anjing liar

**Ekhwan Haque Fazlul Haque**  
ekhwan@hmetro.com.my

#### Simunjan

"Saya terkejut selepas mengetahui anak jiran kini kritikal kerana digigit anjing. Tidak sangka keadaannya menjadi lebih teruk," kata wanita yang mahu dikenali sebagai Hasnah, 50.

Hasnah berkata, keluarga jirannya yang tinggal 20 meter dari kediamannya di Kampung Sanyabah, di sini, sudah seminggu di Hospital Umum Sarawak (HUS) di Kuching bagi mengikuti perkembangan anak mereka

yang kian kritikal.

Menurutnya, susulan kejadian menimpa anak jirannya, penduduk kampung lebih berhati-hati dengan kehadiran anjing liar dari kawasan hutan berhampiran kampung.

"Saya percaya mangsa digigit anjing berkeliaran di kawasan rumahnya Jun lalu.

"Kini, saya lebih berhati-hati sehingga terpaksa membawa parang dan kayu sekiranya mahu pergi ke kebun," katanya.

Tinjauan Harian Metro di rumah mangsa berhampiran kilang di kampung itu mendapati ia kosong dan difahamkan, empat sekeluarga itu berada di HUS untuk ber-

sama mangsa yang kini memerlukan bantuan alat pernafasan.

Difahamkan, mangsa berusia tujuh tahun ialah anak bongsu daripada dua beradik tinggal di kampung itu sejak beberapa tahun lalu.

Mangsa disahkan menghidap virus itu apabila menunjukkan simptom penyakit pada 1 Ogos lalu selepas mengalami muntah, batuk dan demam sebelum dimasukkan ke Hospital Serian untuk rawatan lanjut.

Kain rentang penerangan mengenai wabak rabies sudah digantung di laluan masuk Kampung Kuala yang terletak beberapa meter dari kampung mangsa.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit mempunyai sejarah digigit anjing, 17 Jun lalu namun disuntik vaksin bermula 21 Julai lalu di Hospital Serian.

"Walaupun menerima suntikan vaksin tiga kali pada 21, 24 dan 28 Julai lalu, kesihatan pesakit mula merosot, selain perubahan sikap dan mengalami halusinasi sebelum dirujuk ke HUS pada 3 Ogos lalu.

"Hasil ujian yang dijalankan hari ini (semalam) mengesahkan pesakit positif rabies dan kini dalam keadaan kritikal serta memerlukan bantuan alat bantuan pernafasan," katanya.